

03 JAN 2000

ABDULLAH HARGAI PENDIRIAN MT

KUALA LUMPUR, 3 Jan (bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Majlis Tertinggi Umno yang mahu mencalonkan dan menyokong beliau bagi jawatan Timbalan Presiden Umno pada perhimpunan agung parti itu Mei ini.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno turut mengucapkan penghargaan kepada MT kerana mengambil pendirian supaya jawatan itu tidak ditandingi.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan dalam MT yang menyebut nama saya sebagai calon Timbalan Presiden dan mengambil pendirian supaya jawatan itu tidak ditandingi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi di sini.

Ditanya mengenai pendirian MT itu, Abdullah berkata ini bermakna lebih banyak kerja yang perlu beliau lakukan.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan mengenai pendirian MT itu selepas mesyuarat MT hari ini.

Khalil juga mengumumkan mengenai pendirian MT supaya jawatan Presiden parti tidak ditandingi dan kekal dipegang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir menjadi presiden parti sejak 1981 manakala Abdullah adalah seorang daripada tiga naib presiden Umno. Beliau menjalankan tugas timbalan presiden parti sejak setahun lepas.

-- BERNAMA

AKT MAI